

21/07/2004

Pelaksanaan satu formula ekonomi tidak sesuai

PELAKSANAAN satu formula ekonomi saja untuk seluruh dunia dikhuatiri akan menyebabkan berlaku ketidakadilan serta kacau-bilau kepada negara yang tidak serasi dengan dasar yang ditetapkan.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata dalam keadaan sebenar, dunia dibahagikan kepada negara kaya dan miskin, perbezaan warna kulit, budaya serta agama.

Jadi, katanya, tidak wujud keadaan yang sama di semua negara termasuk nilai yang berbeza-beza antara penduduk.

"Justeru, kita tidak boleh menggunakan teori yang sama untuk semua negara seperti perdagangan bebas dan kapitalisme tanpa sekatan.

"Mereka percaya sistem berkenaan berjaya di Amerika Syarikat hingga mewujudkan ekonomi yang besar dan jika berjaya di negara itu, mereka berpendapat sistem yang sama akan berjaya di seluruh dunia.

"Bayangkan jika semua negara melaksanakan perdagangan bebas dan mengamalkan sistem kapitalisme dengan usahawan atau kapitalis bebas berurusan tanpa sebarang sekatan.

"Peniaga kecil atau bank di Malaysia tidak mampu berniaga di negara lain, sebaliknya perniagaan mereka di negara ini akan dibeli syarikat besar dari negara asing," katanya dalam Seminar Kebangsaan Pendidikan Ekonomi: Antara Akademik dan Kepentingan Pasaran anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM) di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama Dekan, Pembangunan Akademik, UUM, Prof Madya Dr Mohd Zaini Abdul Karim yang mewakili Naib Canselornya.

(END)